



UCAPAN BAJET 2016

OLEH

**Y.A.B. DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN
KETUA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN SABAH**

DI

PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI

PADA

20 NOVEMBER 2015 (JUMAAT)

BERSAMAAN 8 SAFAR 1437H

“BELANJAWAN BERHEMAT, BERJIWA RAKYAT”

Bismillahir Rahmannir Rahim,

Tuan Speaker,

1. Saya mohon mencadangkan Bajet Negeri Sabah bagi tahun 2016 untuk kelulusan Dewan yang mulia ini.

MUKADIMAH

2. Alhamdulillah Rabbil Alamin, izinkan saya memulakan dengan memanjatkan setinggi-tinggi rasa syukur dan merafakkan segala pujian hanya kepada ALLAH Subhanahu Wa Ta'ala, Tuhan yang Maha Esa, Yang Maha Berkuasa, Yang Memiliki dan Yang Maha Mengetahui isi hati manusia.

3. Dengan rahmat dan Inayah-Nya jua, dapatlah kita semua bertemu sekali lagi di Dewan yang mulia ini untuk saya melaksanakan amanah bagi membentangkan Bajet Negeri Sabah tahun 2016, pada petang hari Jumaat yang dilimpahi dengan segala keberkatan, 20 November 2015 bersamaan dengan 8 Safar 1437 Hijrah.

4. Saya merasa sangat gembira kerana dapat melihat rakan-rakan seperjuangan berada di dewan yang mulia ini. Saya juga tidak dapat menyembunyikan rasa seronok bila melihat rakan di sebelah sana yang kelihatan amat segar dan bersemangat untuk kita sama-sama menggapai matlamat yang murni. Inilah yang kita katakan

sebagai “*elok kata dalam muafakat, buruk kata di luar muafakat*”. Walaupun kita ini dari bahtera yang berbeza tetapi matlamat kita tetap sama iaitu untuk berkhidmat kepada rakyat negeri yang kita cintai.

Tuan Speaker,

5. Syukur Alhamdulillah, kedudukan fundamental ekonomi negeri yang tercinta ini masih lagi kukuh dan kekal berada di landasan yang tepat. Tidak dinafikan, masih banyak usaha pembangunan yang perlu ditingkatkan di negeri ini terutamanya dalam konteks pembangunan sosio-ekonomi dan pembangunan infrastruktur serta kemudahan-kemudahan asas untuk manfaat rakyat jelata. Kerajaan Barisan Nasional yang memegang tampuk pemerintahan Kerajaan Negeri pada masa ini sentiasa berusaha sedaya upaya dan sebaik mungkin dalam menggembeleng tenaga dan buah fikiran, untuk melaksanakan apa yang kita rasa bermanfaat demi kesejahteraan masyarakat khususnya dan negeri ini amnya.

6. Saya percaya kita boleh melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang kita pikul ini dengan lebih cekap dan berkesan mengambilkira beberapa pencapaian kecemerlangan. Kita mempunyai keupayaan untuk melaksanakan tanggungjawab ini kerana kita adalah sebuah negeri yang mempunyai keupayaan kewangan bertaraf “**AAA**” (*Triple-A*) yang diiktiraf selama **7 tahun berturut-turut**. Saya juga yakin, kita mampu melakukan ini kerana kita mempunyai jentera pentadbiran yang cekap dalam pengurusan

kewangan dengan pengiktirafan **“Sijil Tanpa Teguran”** atau **“Clean Bill”** selama **15 tahun**. Di samping itu, kita juga mengamalkan penggubalan belanjawan berlandaskan kepada piawaian sistem pengurusan dan belanjawan antarabangsa (MS ISO: 9001: 2008). Semua pengiktirafan yang kita perolehi ini diberikan oleh agensi-agensi penarafan kewangan dan pengauditan yang berwibawa dan bertaraf antarabangsa.

Tuan Speaker,

7. Sukacita saya dengan bangganya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa mengikut Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014, sebanyak **24 buah** kementerian/jabatan/agensi Kerajaan Negeri telah diberikan penarafan **empat (4) bintang iaitu penarafan tertinggi di bawah** Indeks Akauntabiliti. Dengan pengiktirafan ini, ianya menjadikan Negeri Sabah sebagai negeri yang mempunyai **rekod pengurusan kewangan yang terbaik dan terunggul di bawah Indeks Akauntabiliti di Malaysia untuk tiga (3) tahun berturut-turut**. Sebagai menghargai pencapaian cemerlang mereka, saya akan menyebut kesemua penerima empat (4) bintang yang dimaksudkan seperti berikut:-

- (1) Pejabat Perhubungan Negeri Sabah;
- (2) Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri;
- (3) Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah (SEDCO);
- (4) Jabatan Cetak Kerajaan;
- (5) Majlis Daerah Ranau;

- (6) Korporasi Pembangunan Desa (KPD);
- (7) Jabatan Bendahari Negeri Sabah;
- (8) Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS);
- (9) Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah;
- (10) Jabatan Perikanan;
- (11) Majlis Perbandaran Sandakan;
- (12) Kementerian Pembangunan Luar Bandar;
- (13) Majlis Daerah Kinabatangan;
- (14) Pejabat Daerah Beluran;
- (15) Lembaga Pelabuhan-pelabuhan Sabah (LPPS);
- (16) Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah (SAFODA);
- (17) Jabatan Pelabuhan dan Dermaga;
- (18) Institut Latihan Sektor Awam Negeri Sabah (INSAN);
- (19) Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK);
- (20) Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah (Ko-NELAYAN);
- (21) Majlis Daerah Semporna;
- (22) Lembaga Bandaran Kudat;
- (23) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah; dan
- (24) Pejabat Daerah Keningau.

8. Kejayaan ini bukan datang dengan sekelip mata tetapi ianya merupakan hasil usaha dan disiplin berterusan seperti kata Dottie Walters: *“Success is not a doorway, it’s a staircase”*.

EKONOMI DUNIA

Tuan Speaker,

9. Pertumbuhan ekonomi dunia diramal berkembang sederhana daripada kadar 3.4 peratus pada tahun 2014 kepada 3.1 peratus dalam tahun 2015, sebelum mengukuh semula pada kadar 3.6 peratus pada tahun 2016. Ini adalah berdasarkan ramalan prestasi lebih kukuh bagi negara-negara ekonomi baru muncul (*emerging economies*) dan negara-negara maju pada tahun hadapan. Secara keseluruhannya, ekonomi Negara-negara Maju akan memperlihatkan peningkatan kadar pertumbuhan ekonomi daripada 2 peratus dalam tahun 2015 kepada 2.2 peratus pada tahun 2016. Manakala ekonomi Negara-negara Membangun pula akan memperbaiki kadar pertumbuhan ekonomi mereka daripada 4 peratus dalam tahun 2015 kepada 4.5 peratus pada tahun 2016.

10. Pertumbuhan ekonomi bagi negara-negara utama dunia seperti Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah dan Jepun pula diramal akan mula mengukuh pada tahun 2015 dan 2016. Ekonomi Amerika Syarikat diramal akan bertumbuh pada kadar 2.6 peratus dalam tahun 2015 dan 2.8 peratus pada tahun 2016. Sementara itu, ekonomi negara Kesatuan Eropah pula diramal mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan daripada 1.5 peratus dalam tahun 2015 kepada 1.6 peratus pada tahun 2016. Manakala, ekonomi negara Jepun diramal akan berkembang pada kadar 0.6 peratus dalam tahun 2015 dan meningkat kepada 1 peratus pada tahun 2016.

11. Berdasarkan sentimen ekonomi global, ekonomi China dijangka akan menyaksikan kadar pertumbuhan yang lebih rendah pada tahun 2015 dan 2016 berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Ini adalah berikutan pelaksanaan langkah-langkah penyelarasan ekonomi yang diperkenalkan oleh Kerajaan China. Berikutan itu, pertumbuhan ekonomi China dijangka akan menyusut sedikit daripada 7.3 peratus pada tahun 2014 kepada 6.8 peratus dalam tahun 2015 dan 6.3 peratus pada tahun 2016. Sementara itu, kadar pertumbuhan ekonomi India pula dijangkakan mengalami sedikit peningkatan daripada 7.3 peratus dalam tahun 2015 kepada 7.5 peratus pada tahun 2016.

12. Bagi negara-negara ASEAN pula, ekonomi negara ASEAN-5 (yang terdiri daripada Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand dan Vietnam) diramalkan akan berkembang pada kadar 4.6 peratus dalam tahun 2015 dan meningkat kepada 4.9 peratus pada tahun hadapan.

EKONOMI NEGARA

Tuan Speaker,

13. Ekonomi negara mengalami pertumbuhan sebanyak 5.3 peratus pada separuh pertama tahun 2015, didorong oleh permintaan domestik yang berdaya tahan dengan penggunaan serta pelaburan dari sektor swasta yang kekal kukuh. Pada tahun 2016,

pertumbuhan ekonomi negara diramal berkembang sederhana di antara 4 hingga 5 peratus, sekali lagi dipacu oleh permintaan domestik dan penggunaan serta pelaburan sektor swasta yang tinggi. Negara juga dijangka kekal menikmati tahap guna tenaga penuh dengan kadar inflasi yang rendah sekitar 2 hingga 3 peratus.

14. Defisit fiskal dijangka akan terus menurun dari 3.2 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun 2015 kepada 3.1 peratus pada tahun 2016. Tahap Hutang Kerajaan Persekutuan akan kekal terkawal dalam had berhemat iaitu 55 peratus daripada KDNK. Dengan berlatarbelakangkan iklim ekonomi semasa ini, Pendapatan Negara Kasar (GNI) nominal per kapita diunjur akan meningkat kepada 5.6 peratus dari RM36,397 pada tahun 2015 kepada RM38,438 pada tahun 2016.

EKONOMI SABAH

Tuan Speaker,

15. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, walaupun lebihan imbangan perdagangan Negeri Sabah telah menyusut sebanyak 5.7 peratus bagi lapan (8) bulan pertama tahun 2015, Negeri Sabah kekal menikmati lebihan **imbangan perdagangan yang positif sebanyak RM6.8 bilion** berbanding tempoh yang sama pada tahun 2014.

16. Saya bersyukur kerana ekonomi Negeri Sabah masih terus berdaya tahan dan kurang terjejas seperti mana yang dijangka. Biarpun, harga petroleum mentah mengalami kejatuhan mendadak, tetapi jumlah kuantiti eksport bagi petroleum mentah telah direkodkan **meningkat sebanyak 45.3 peratus** dan mencecah jumlah **nilai eksport sebanyak RM10.4 bilion** dalam lapan (8) bulan pertama tahun ini.

17. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10), KDNK Negeri Sabah telah bertambah daripada **RM58.1 bilion** pada tahun 2010 kepada **RM66.3 bilion** pada tahun 2014. Pada masa yang sama, pendapatan per kapita rakyat juga telah meningkat sebanyak **10.3 peratus** dan **mencecah RM19,672** pada tahun 2014 **berbanding RM17,831** pada tahun 2010.

Tuan Speaker,

18. Ekonomi Negeri Sabah pada tahun 2016 dijangka kekal positif berdasarkan kepada keadaan ekonomi global yang dijangka kian pulih. Ekonomi rakan-rakan perdagangan eksport utama negeri pula dijangka akan bertumbuh lebih tinggi kecuali ekonomi negara China yang diramalkan akan bertumbuh sederhana. Melangkah ke tahun pertama RMK11, pertumbuhan ekonomi negeri dijangka akan didorong sebahagian besarnya oleh pelaburan awam dan pelaburan domestik. Eksport negeri pula diramal akan bertumbuh sederhana disebabkan oleh harga bagi komoditi-komoditi utama terutama minyak sawit dan minyak mentah yang dijangka menurun. Keyakinan

para pelabur swasta pula dijangka akan meningkat apabila ekonomi negeri semakin pulih.

19. Pada masa ini, sektor pelancongan telah mula menunjukkan tanda-tanda pemulihan. Kejatuhan nilai Ringgit dan permohonan visa melalui *online* yang akan dilaksanakan tidak lama lagi dijangka akan menarik lebih ramai kemasukan pelancong asing ke negeri ini. Dalam keadaan ekonomi global yang mencabar, Kerajaan akan mengambil langkah-langkah berterusan untuk memperkukuh ekonomi, mengurus impak kelemahan luaran (*external vulnerabilities*) dan melindungi kesejahteraan rakyat seperti mana yang jelas digariskan dalam Bajet Nasional 2016. Oleh yang demikian, ekonomi negeri pada tahun 2016 dijangka akan bertumbuh secara sederhana pada kadar 3.5 hingga 4.5 peratus.

MATLAMAT DAN STRATEGI BAJET 2016

Tuan Speaker,

20. Kesejahteraan rakyat sentiasa di hati dan di jiwa kita. Kerajaan sentiasa sensitif dan peka dengan keluh kesah rakyat. Sayugia itu, Kerajaan Barisan Nasional Negeri akan terus memastikan pengagihan sumber kewangan negeri ini dilaksanakan secara saksama walaupun berhemat kepada semua lapisan masyarakat di Sabah tanpa mengira siapa mereka, bagaimana keadaan mereka dan di mana mereka berada.

21. Sekali lagi, saya ingin menekankan bahawa barisan kepimpinan negeri akan terus melipatgandakan usaha untuk membangunkan negeri ini demi mencapai kesejahteraan dan kemakmuran berterusan. Oleh yang demikian, dalam bajet 2016 ini, kita akan mengekalkan fokus dan strategi penggubalan bajet dengan matlamat utama iaitu untuk memberikan manfaat semaksimum mungkin kepada semua warga negeri ini.

22. Bajet ini adalah untuk warga tua dan muda, untuk wanita dan kanak-kanak; untuk pelajar dan pekerja; untuk petani dan nelayan; untuk peniaga dan pengusaha; untuk mereka yang sihat dan kurang sihat; untuk ahli-ahli sukan dan penggiat sukan; untuk para tetamu dan pelawat; untuk orang kampung dan orang bandar; untuk masyarakat dan NGO; untuk yang miskin dan kurang berkemampuan. Inilah matlamat kita, kesejahteraan untuk semua. *We just simply stay focus! And do our best.*

Tema Bajet 2016

Tuan Speaker,

23. Walaupun kadar pertumbuhan ekonomi Asia dan dunia adalah sedikit perlahan, namun fundamental ekonomi Negeri Sabah masih lagi kukuh, kerana kita memiliki limpahan kekayaan hasil bumi seperti minyak mentah, kelapa sawit dan perhutanan yang masih mempunyai permintaan yang tinggi di pasaran dunia.

24. Biarpun demikian, tidak dinafikan sebagai ekonomi yang didominasi oleh pengeluaran komoditi utama seperti minyak mentah dan kelapa sawit, kutipan hasil negeri boleh terjejas akibat perubahan dalam harga komoditi-komoditi tersebut dan perubahan dalam kadar pertukaran mata wang asing. Dengan kemungkinan berlakunya senario tersebut, Kerajaan Negeri perlu bersedia dalam merancang dan mengurus sumber-sumber kekayaannya secara bijak dan berkesan. Untuk itu, kawalan perbelanjaan perlu dilakukan melalui amalan disiplin kewangan dan dengan melaksanakan perbelanjaan ke atas program-program dan projek-projek yang memberikan impak maksimum kepada rakyat tanpa menjejaskan sistem penyampaian yang dikendalikan oleh jentera pentadbiran kerajaan.

Tuan Speaker,

25. Bersesuaian dengan itu, Tema Bajet Negeri tahun 2016 ini adalah “**BELANJAWAN BERHEMAT; BERJIWA RAKYAT**”. Tema ini menekankan keperluan untuk mengkonsolidasikan sumber-sumber negeri yang ada dan mengurusnya secara efektif dan efisien.

Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Bajet Negeri 2016

26. Mengambil kira persekitaran ekonomi global seperti yang saya jelaskan sebentar tadi, maka Kerajaan Negeri menganggarkan kutipan **hasil tahun 2016** adalah sebanyak **RM3,520.29 juta**.

Justeru, saya mohon mencadangkan **perbelanjaan 2016** sebanyak **RM3,490.39 juta**. Ini akan memberikan **lebih atau surplus** sebanyak **RM29.90 juta** (*it is a surplus budget*).

ANGGARAN HASIL 2016

Tuan Speaker,

27. Kutipan hasil bagi tahun 2016 dianggarkan berjumlah **RM3,520.29 juta** iaitu berkurangan sebanyak 8.9 peratus berbanding anggaran hasil tahun 2015 yang berjumlah RM3,862.02 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM1,075.67 juta atau 30.6 peratus adalah Hasil Cukai; RM2,024.52 juta atau 57.5 peratus adalah Hasil Bukan Cukai; dan RM420.10 juta atau 11.9 peratus adalah Terimaan Bukan Hasil.

28. Sebagaimana kita sedia maklum, jumlah sebenar royalti petroleum yang diterima oleh Kerajaan Negeri adalah bergantung kepada harga pasaran dunia, jumlah pengeluaran dan kadar pertukaran Dollar Amerika. Berikutan daripada senario semasa, hanya RM961.94 juta telah diterima berbanding anggaran asal tahun 2015 sebanyak RM1,146.89 juta iaitu pengurangan sebanyak 16 peratus. Justeru itu, Anggaran Hasil daripada royalti petroleum untuk tahun 2016 dijangkakan berjumlah RM900 juta sahaja. Walaupun jumlah ini menurun berbanding hasil diterima pada tahun 2015,

royalti petroleum masih lagi merupakan salah satu daripada penyumbang hasil tertinggi untuk Negeri Sabah bagi tahun 2016.

29. Begitu juga dengan Minyak Sawit Mentah (CPO) yang mengalami penurunan harga daripada RM2,600 kepada RM2,200 bagi setiap tan metrik sejak awal tahun ini. Berikutan daripada itu, maka anggaran cukai jualan CPO disemak bagi tahun 2015 kini berjumlah RM900 juta berbanding dengan anggaran asal iaitu RM1,008 juta. Mengambil kira kedudukan harga semasa dan perkembangan yang dijangkakan untuk tahun hadapan, Kerajaan juga menganggarkan kutipan hasil cukai jualan minyak kelapa sawit (CPO) bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM900 juta.

30. Sebagai pemerintah yang prihatin, Kerajaan Negeri memutuskan untuk menangguhkan %kutipan Cukai Jualan Negeri ke atas Komoditi Perikanan yang dibawa keluar daripada negeri Sabah buat masa ini. Penangguhan berkenaan menyebabkan anggaran hasil daripada sumber-sumber baharu sebanyak RM80 juta tidak menjadi kenyataan pada tahun 2015. Namun, pendaftaran lesen cukai jualan negeri bagi mereka yang terlibat dalam perniagaan ini akan diteruskan.

31. Sumbangan dalam pelbagai pemberian daripada Kerajaan Persekutuan bagi tahun hadapan dianggarkan sebanyak RM420 juta yang menunjukkan peningkatan 4.8 peratus berbanding dengan anggaran asal tahun 2015 sebanyak RM400.69 juta. Sementara itu, Faedah dan Perolehan dari pelaburan dijangka akan menyumbang sebanyak RM302.54 juta yang mewakili 8.6 peratus daripada

sasaran hasil 2016. Jumlah ini termasuklah terimaan daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri sebanyak RM200 juta sebagai rebat cukai yang diberi ke atas hasil dividen sebelum ini.

Tuan Speaker,

32. Saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada beberapa jabatan pemungut hasil yang telah berjaya mengutip hasil dengan cemerlang antaranya Jabatan Tanah dan Ukur, Jabatan Perhutanan, Jabatan Air Negeri Sabah dan Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Negeri Sabah. Berikutan pencapaian yang membanggakan ini, jabatan-jabatan berkenaan bersetuju untuk meningkatkan sasaran kutipan hasil pada tahun 2016 masing-masing seperti berikut:-

- (i) Jabatan Tanah dan Ukur - RM310 juta
- (ii) Jabatan Perhutanan - RM220 juta
- (iii) Jabatan Air Negeri Sabah - RM220 juta
- (iv) Jabatan Pelabuhan dan Dermaga - RM20 juta.

33. Walaupun kita menerima pelbagai cabaran masa kini terutamanya impak kelemahan harga komoditi seperti harga minyak mentah dan CPO, namun Kerajaan Negeri yakin sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2016 boleh dicapai dengan adanya sokongan dan kerjasama daripada semua pihak yang terlibat.

ANGGARAN PERBELANJAAN PERBEKALAN

Tuan Speaker,

34. Kendatipun anggaran kutipan hasil Kerajaan pada tahun 2016 sedikit menghambat perancangan pembangunan, namun Kerajaan akan tetap memastikan peruntukan yang secukupnya dapat disediakan untuk meneruskan agenda pembangunan negeri ini demi kepentingan rakyat yang dicintai. Justeru itu, usaha kita dalam melaksanakan langkah-langkah perbelanjaan berhemat bagi mengelakkan pembaziran akan mendatangkan penjimatan yang kemudiannya boleh digunakan untuk menampung keperluan perbelanjaan negeri ini.

Tuan Speaker,

35. Untuk itu, bagi **perbelanjaan perbekalan** tahun 2016, saya mencadangkan agihan peruntukan sebanyak **RM714.29 juta** untuk Emolumen dan **RM1,179.55 juta** bagi Perbelanjaan Berulang. Manakala, sejumlah **RM1,596.54 juta** akan diperuntukkan bagi Perbelanjaan Khas.

ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Tuan Speaker,

36. Bagi **perbelanjaan pembangunan** pula, saya mencadangkan sebanyak **RM1,148.89 juta** diperuntukkan pada tahun 2016. Jumlah ini merangkumi **peruntukan negeri sebanyak RM698.99 juta dan peruntukan Kerajaan Persekutuan sebanyak RM449.89 juta**. Selaras dengan langkah-langkah penjimatan, sumbangan kepada Kumpulan Wang Negeri bagi perbelanjaan pembangunan pada tahun hadapan mengalami sedikit penurunan sebanyak 6.41 peratus berbanding dengan anggaran tahun 2015. Sumbangan peruntukan Kerajaan Persekutuan terdiri daripada **Peruntukan Imbuh Balik Persekutuan bernilai RM35.80 juta dan Pinjaman Persekutuan bernilai RM414.09 juta**.

37. Seperti juga dengan bajet tahun-tahun lepas, sebahagian besar perbelanjaan pembangunan diagihkan untuk pembangunan sektor ekonomi. Pengagihan perbelanjaan pembangunan mengikut sektor utama pada tahun 2016 ialah:-

- (a) RM441.67 juta atau 63.19 peratus untuk ekonomi;
- (b) RM212.76 juta atau 30.44 peratus untuk sosial; dan
- (c) RM44.56 juta atau 6.37 peratus untuk pentadbiran

AGIHAN PERUNTUKAN 2016: MENGIKUT KEMENTERIAN

Tuan Speaker,

38. Kerajaan Negeri kekal komited memperkukuhkan agenda pembangunan negeri bagi pembangunan kawasan luar bandar, pembangunan sektor pertanian, sektor perindustrian, sektor pelancongan, pembangunan modal insan dan kesejahteraan rakyat. Bagi memastikan kecekapan dan kelangsungan peranan, tanggungjawab dan fungsi pelbagai agensi pelaksana kerajaan, agihan Peruntukan Perbekalan dan Pembangunan 2016 bagi setiap kementerian adalah seperti yang berikut:-

	Kementerian	Agihan Perbelanjaan (RM Juta)	
		Perbekalan	Pembangunan
1.	Kementerian Kewangan	1,243.84	14.00
2.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur	718.01	246.87
3.	Jabatan Ketua Menteri	475.86	153.60
4.	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan	295.62	113.98
5.	Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna	139.42	5.02

6.	Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar	110.32	13.15
7.	Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan	82.40	18.37
8.	Kementerian Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat	87.09	4.15
9.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	70.98	100.00
10.	Kementerian Belia dan Sukan	65.68	14.45
11.	Kementerian Pembangunan Perindustrian	11.15	15.40
12.	Perbelanjaan yang tidak termasuk dalam Kementerian-kementerian	28.45	-
13.	Perbelanjaan Tanggungan	161.57	-
	Jumlah	3,490.39	698.99

PEMBANGUNAN SEKTORAL

Prestasi Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10)

Tuan Speaker,

39. Tahun 2015 merupakan tahun akhir pelaksanaan RMK10. Oleh itu, Kerajaan akan terus mempergiatkan usaha untuk melaksana dan menyiapkan projek-projek pembangunan Kerajaan yang telah diluluskan menjelang akhir tahun ini. Kerajaan Negeri telah mencatat prestasi cemerlang dan membelanjakan lebih kurang 80 peratus daripada jumlah peruntukan sebanyak RM4.7 bilion di bawah RMK10. Pada waktu yang sama, Kerajaan Negeri berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana telah melaksanakan pelbagai projek pembangunan di negeri ini. Setakat bulan September 2015, jumlah perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan di Negeri Sabah dalam RMK10 telah mencecah RM14.7 bilion.

40. Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk terus memajukan lagi pembangunan Negeri Sabah di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11). Untuk tujuan tersebut, Kerajaan Negeri telah menggariskan enam (6) Teras Strategik dan Halatuju Strategik Pembangunan dalam RMK11 selari dengan Teras Strategik di peringkat nasional iaitu:-

- (i) Memperkukuh pembangunan inklusif;
- (ii) Meningkatkan kesejahteraan rakyat;
- (iii) Membangun modal insan;
- (iv) Menuju ke arah pertumbuhan hijau;

- (v) Memperkasa asas pertumbuhan; dan
- (vi) Merekayasa pertumbuhan ekonomi.

41. Secara ringkasnya, fokus pembangunan Kerajaan Negeri dalam pelaksanaan RMK11 adalah berpaksikan kepada Halatuju Strategik Pembangunan Negeri. Fokus pembangunan ini memberi penekanan kepada peningkatan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat (*people oriented*) dan membina ekonomi yang rancak dan mampan (*capital oriented*).

42. Kita berharap prestasi yang telah dicapai dalam RMK10 ini akan dapat diteruskan kecemerlangannya dalam RMK11. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, siling peruntukan sebanyak **RM3.51 bilion** telah direncanakan untuk meneruskan agenda pembangunan negeri ini sepanjang tempoh lima tahun pelaksanaannya.

Pembangunan Infrastruktur dan Kemudahan Awam

Tuan Speaker,

43. Seperti tahun-tahun sebelumnya, program pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam Kerajaan Negeri pada tahun 2016 akan terus memberi fokus kepada pelaksanaan projek-projek berimpak tinggi yang akan memberi manfaat kepada segenap lapisan masyarakat. Usaha ini merupakan komitmen berterusan kerajaan untuk mengurangkan lagi jurang perbezaan pembangunan di antara kawasan bandar dan luar bandar. Kerajaan juga berharap

melalui program-program sebegini kita akan dapat membantu meningkatkan lagi kualiti hidup rakyat terutama saudara-saudara kita yang tinggal nun jauh di luar bandar sana. Untuk itu, peruntukan berjumlah RM1,373.59 juta akan disediakan dalam tahun 2016 bagi penyediaan kemudahan infrastruktur dan prasarana awam.

44. Daripada jumlah berkenaan, sebanyak RM213.34 juta akan disediakan untuk meneruskan pelaksanaan program-program pembinaan dan penyenggaraan jalan-jalan bandar dan luar bandar; pembaikan cerun, pembinaan dan penggantian jambatan lama; pengurusan trafik dan pengurusan keselamatan jalan raya.

45. Kerajaan amat prihatin terhadap penyediaan persekitaran yang kondusif, bersih, sihat serta produktif untuk rakyat dan memastikan generasi masa hadapan dapat juga menikmatinya kelak. Untuk itu, sejumlah RM270.90 juta akan diperuntukkan bagi meningkatkan dan memastikan liputan sistem pembedungan yang berkualiti. Adalah diharapkan projek-projek pembedungan seperti Skim Pembedungan Keningau, Skim Pembedungan Beaufort dan Skim Pembedungan Bandar-bandar Kecil akan dapat memberi manfaat kepada kualiti hidup rakyat.

46. Dalam Bajet 2016, Kerajaan akan menyediakan peruntukan sebanyak RM715.36 juta untuk memastikan lebih ramai lagi rakyat dapat menikmati bekalan air terawat. Antara projek yang akan dilaksanakan pada tahun hadapan ialah projek Pembinaan Loji Air dan Pemasangan Rangkaian Paip di Semporna dengan kos RM160

juta dan Pembinaan Loji Rawatan Air Kundasang dengan jumlah kos RM110 juta.

47. Kerajaan akan menyediakan kemudahan-kemudahan pengangkutan air untuk membantu meningkatkan kawalan keselamatan termasuklah urusan penghantaran logistik luar pesisir menggunakan kapal-kapal penghantar. Selain daripada itu, kemudahan jeti juga akan dibina sejajar dengan keperluan orang awam serta para nelayan. Bagi menyokong penyediaan kemudahan, keselamatan dan kawalan pengangkutan air ini, sebanyak RM20.77 juta diperuntukan pada tahun hadapan.

48. Dalam usaha menambahbaik perkhidmatan dan kemudahan infrastruktur perkhidmatan keretapi yang selesa dan selamat, pada tahun 2016 sebuah lagi *Diesel Multiple Unit (DMU) train set* akan diperolehi untuk keperluan perkhidmatan keretapi dari Tanjung Aru ke Tenom. Kerajaan juga akan terus meningkatkan keselamatan di kawasan-kawasan lintasan rata melalui peningkatan penggunaan amaran elektronik serta pembinaan jalan-jalan susur. Untuk itu, peruntukan sebanyak RM37.62 juta akan disediakan bagi penyediaan perkhidmatan keretapi.

Pertanian

Tuan Speaker,

49. Alhamdulillah, kekayaan sumber alam dan kesuburan tanah menjadi satu kekuatan kepada kita. Sesungguhnya kita amat bertuah

kerana dianugerahkan dengan limpahan khazanah alam. Dalam tahun 2016, sektor pertanian kekal menjadi nadi utama penjana ekonomi negeri Sabah. Oleh itu, kerajaan akan terus menyokong pembangunan sektor ini sebagai salah satu sektor yang diberikan keutamaan dalam Bajet 2016 dengan peruntukan sebanyak RM469.50 juta.

Sub-sektor Tanaman

50. Bagi memantapkan pembangunan sub-sektor tanaman, kerajaan akan memfokuskan kepada pembangunan tanaman khususnya padi, buah-buahan, sayur-sayuran, tanaman singkat masa dan tanaman industri melalui beberapa projek utama. Pada tahun hadapan Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Program Penyelidikan Pertanian, Program Pembangunan Tanaman Padi, Program Penanaman semula Getah dan Pembangunan industri hiliran kelapa sawit akan dimantapkan pelaksanaannya. Untuk itu sebanyak RM169.85 juta akan diperuntukkan tahun depan.

Sub-sektor Perikanan

51. Seperti mana Ahli-ahli Yang berhormat di Dewan yang mulia ini ketahui, kita juga kaya dengan hasil marin yang bernilai jutaan ringgit. Oleh yang demikian, kita akan berusaha untuk mentransformasikan sub-sektor perikanan menjadi lebih dinamik, produktif dan komersial. Kerajaan akan meningkatkan komitmen dan melaksanakan transformasi secara menyeluruh di semua peringkat bagi memajukan sub-sektor perikanan di negeri ini. Kerajaan berhasrat untuk meningkatkan pengeluaran ikan dan hasil perikanan

ke tahap 423,360 tan metrik setahun. Untuk itu kerajaan akan memperuntukkan RM47.76 juta pada tahun 2016.

Sub-sektor Ternakan

52. Sub-sektor ternakan merupakan salah satu penyumbang utama kepada pengeluaran makanan dalam negeri. Pada tahun 2014 sahaja sub-sektor ternakan telah mencatat nilai hasil pengeluaran kasar sebanyak RM1,106 juta. Nilai ini dijangka terus meningkat pada akhir tahun ini. Sayugia, sub-sektor ini mampu mengurangkan bil import makanan negeri dari setahun ke setahun.

53. Kita bertuah, kerana Sabah diiktiraf sebagai zon yang bebas daripada pelbagai penyakit ternakan termasuk Penyakit Kuku dan Mulut (FMD) oleh World Organisation for Animal Health. Pengiktirafan ini merupakan satu kelebihan yang amat berharga kepada kita serta merupakan aset yang perlu kita gembeng untuk menerokai peluang-peluang dan dalam meningkatkan pengeluaran ternakan bagi pasaran tempatan dan eksport.

54. Justeru, dengan kelebihan yang saya sebutkan tadi, kita mampu untuk mengeksport produk-produk seperti susu, telur dan daging ayam ke luar negara seperti Vietnam, Maldives, Timor Leste dan Sierra Leone. Kerajaan akan terus menyokong perkembangan industri ternakan di negeri ini dengan memperuntukkan sebanyak RM71.02 juta dalam bajet 2016 kepada Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak.

55. Peruntukan sebanyak RM51.81 juta akan disediakan khusus kepada agensi-agensi berkaitan iaitu Korporasi Pembangunan Desa (KPD), Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) dan Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah (Ko-NELAYAN) bagi membantu Kerajaan memajukan lagi pembangunan sektor pertanian di negeri Sabah ini.

Infrastruktur Sokongan Pertanian

56. Dalam pada itu, sebanyak RM122.62 juta akan diperuntukkan pada tahun 2016 kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk menyediakan perkhidmatan dan infrastruktur pengairan dan saliran bagi menyokong sektor pertanian. Peruntukan ini adalah untuk mengelakkan masalah air bertakung dan menyediakan bekalan air yang mencukupi di kawasan-kawasan penanaman padi serta bagi melaksanakan program-program mitigasi banjir di seluruh negeri.

Industri dan Pembuatan

Tuan Speaker,

57. Seperti dijangka, persekitaran perniagaan yang mencabar disebabkan oleh situasi semasa ekonomi global telah memberi kesan kepada keyakinan para pelabur. Sektor pembuatan telah menerima jumlah pelaburan yang besar dalam tempoh RMK10. Daripada tahun 2011 hingga bulan Jun 2015, jumlah pelaburan dalam sektor pembuatan telah mencecah RM13.9 bilion dan menjana sebanyak

11,115 peluang pekerjaan. Antara pelaburan besar dalam sektor tersebut ialah Projek Sabah Ammonia Urea (SAMUR). Manakala pelaburan berkaitan dengan industri minyak dan gas ialah Projek Terminal Minyak Dan Gas Sabah (SOGT), pembinaan *Kimanis-Bintulu Gas Pipeline* dan Sipitang Oil and Gas Industrial Park (SOGIP).

58. Mengikut laporan MIDA (*Malaysian Investment Development Authority*) dan kelulusan Kerajaan Negeri (SGA) setakat September tahun ini, Negeri Sabah telah menerima nilai pelaburan dalam sektor pembuatan berjumlah RM572.00 juta. Daripada jumlah itu, sebanyak RM92.00 juta adalah merupakan pelaburan asing yang melibatkan pelaburan daripada dua puluh lapan (28) buah syarikat. Berdasarkan jumlah pelaburan ini, sektor pembuatan dijangka mampu menjana 1,129 peluang pekerjaan.

59. Kerajaan Negeri terus komited untuk mewujudkan kemudahan infrastruktur dan persekitaran yang kondusif kepada para pelabur di taman-taman perindustrian sedia ada seperti di Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP), Palm Oil Industrial Cluster (POIC) di Lahad Datu dan Sandakan serta Sipitang Oil and Gas Industrial Park (SOGIP). Oleh itu, bagi memacu pembangunan sektor pembuatan di negeri ini, sebanyak RM76.46 juta akan diperuntukkan pada tahun 2016.

Pelancongan

Tuan Speaker,

60. Tahun 2015 merupakan satu lagi tahun yang amat mencabar bagi industri pelancongan negeri Sabah dengan beberapa kejadian yang tidak dijangka menimpa negeri ini. Kejadian ini telah sedikit sebanyak menjejaskan jumlah ketibaan pelancong dan perkembangan sektor pelancongan negeri amnya.

61. Dalam tempoh tujuh (7) bulan pertama tahun 2015, jumlah ketibaan pelancong telah direkodkan seramai 1,840,447 orang iaitu berkurang sebanyak 2.6 peratus daripada 1,889,301 pelawat dalam tempoh yang sama pada tahun lepas. Daripada jumlah itu, ketibaan domestik merekodkan penurunan sebanyak 1.3 peratus manakala ketibaan pelawat antarabangsa mengalami penurunan sebanyak 5.4 peratus. Dari segi pendapatan pelancongan pula, kemasukan keseluruhan pelawat ke negeri ini pada tahun 2015 dianggarkan akan menyumbang sebanyak RM3.62 billion.

62. Melihat kepada situasi semasa, Kerajaan akan meneruskan usaha untuk memulihkan keyakinan para pelancong antarabangsa. Pada masa yang sama, kerajaan juga akan memberi fokus kepada pasaran domestik dan pasaran-pasaran lain yang telah mencatat peningkatan pada tahun 2014 seperti Jepun, Korea Selatan, United Kingdom dan Australia. Di samping itu, kerajaan juga akan

meningkatkan usaha untuk meneroka pasaran baru seperti pasaran Timur Rusia khususnya Vladivostok, Shakalin dan Khabarovsk.

63. Kerajaan juga akan meneruskan usaha untuk meningkatkan jaringan udara sama ada melalui penerbangan terus berjadual mahupun penerbangan sewa khas memandangkan akses rangkaian udara yang baik merupakan salah satu faktor paling utama bagi memacu perkembangan industri pelancongan di negeri ini. Kita merasa amat gembira kerana bermula pada 1 Disember 2015, syarikat penerbangan China Southern iaitu sebuah syarikat penerbangan terbesar di China, akan mengadakan penerbangan terus udara dari Guangzhou ke Kota Kinabalu dengan kekerapan tiga kali seminggu.

64. Pada tahun 2016, Kerajaan yakin pertumbuhan pelancongan global berkembang di antara 3 hingga 4 peratus. Sementara itu, ketibaan pelancong Asia dijangka bakal mencatatkan pertumbuhan sekitar 4 hingga 5 peratus.

65. Untuk menyokong perkembangan sektor pelancongan di negeri ini sebanyak RM218.37 juta akan diperuntukkan dalam Bajet 2016. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM6.11 juta akan diperuntukkan untuk melaksanakan program-program yang berkaitan dengan peningkatan perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar. Manakala, bagi memastikan khazanah warisan dunia, flora dan fauna serta pulau-pulau dan kepelbagaian marin kekal terpelihara, Kerajaan

Negeri akan memperuntukkan sejumlah RM29.1 juta di bawah Bajet 2016.

66. Kerajaan negeri juga komited untuk memastikan kawasan perlindungan dan habitat hidupan liar dipelihara dan diurus secara lestari. Ini adalah kerana kita menyedari kepentingan kepelbagaian biodiversiti ini adalah merupakan pemangkin kepada pembangunan sektor pelancongan. Untuk itu, sebanyak RM20.8 juta akan diperuntukkan dalam Bajet 2016.

67. Keunikan budaya pelbagai etnik yang ada di negeri ini menjadikannya sebagai salah satu tarikan pelancongan yang penting. Justeru, perancangan program kebudayaan dan kesenian serta pemeliharaan khazanah warisan budaya dan adat resam akan dipertingkatkan lagi. Sejumlah RM28.76 juta akan diperuntukkan untuk tujuan ini pada tahun 2016.

Mensejahterakan Hidup Rakyat

Tuan Speaker,

68. Kerajaan Barisan Nasional Negeri sentiasa mendengar rintihan dan degup jantung rakyat. Kesejahteraan dan kebajikan hidup rakyat sentiasa dekat di jiwa dan sanubari kepimpinan negeri dalam merangka pelan pembangunan negeri yang kita kasihi ini. Kerajaan telah, sedang dan akan terus mengambil langkah-langkah dan tindakan yang perlu demi memastikan kebajikan dan

kesejahteraan rakyat negeri ini tetap terpelihara. Untuk itu, dalam bajet 2016, Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM290.08 juta bagi melaksanakan program-program pembasmian kemiskinan dan peningkatan kesejahteraan rakyat.

69. Pada tahun hadapan, Kerajaan akan meneruskan pelaksanaan Program-program pembasmian kemiskinan seperti Program Mini Estet Sejahtera (MESEJ) yang terbukti mendatangkan manfaat kepada golongan yang kurang berkemampuan dengan melaksanakan 4 buah lagi MESEJ baharu. Ini menjadikan jumlah keseluruhan MESEJ meningkat kepada 52 buah meliputi MESEJ Pertanian, MESEJ Akuakultur dan MESEJ Mikro. Ini akan memberikan manfaat kepada seramai dua ribu lima ratus (2,500) Ketua Isi Rumah Miskin Tegar (KIRMT) keseluruhannya. Selain daripada itu, Kerajaan Persekutuan juga telah meluluskan pemberian peruntukan sebanyak RM207 juta bagi membangunkan infrastruktur jalan-jalan raya di kawasan-kawasan MESEJ.

70. Kerajaan juga akan meneruskan pelaksanaan Program Kampung Sejahtera (PKS) yang akan memberikan tumpuan khusus kepada kampung-kampung yang mundur. Pelaksanaan program ini menggunakan pendekatan yang lebih holistik meliputi pembangunan ekonomi kampung, pembangunan modal insan dan peningkatan kualiti hidup. Setakat ini, program ini telah berjaya dilaksanakan di 240 buah kampung dan sebanyak 20 buah kampung lagi dirancang untuk dimajukan pada tahun 2016 dengan peruntukan sebanyak RM2.2 juta.

71. Ibarat kata pepatah “*cubit paha kanan, terasa paha kiri*”, begitulah juga halnya, bila kita mengabaikan kebajikan dan keperluan warga emas, orang kurang upaya (OKU), golongan daif dan anak-anak yatim di negeri ini. Mana mungkin kita lupa dan lalai atas kebajikan saudara-saudara kita ini. Oleh itu, Kerajaan akan memperuntukkan sebanyak RM59.24 juta bagi membiayai pemberian bantuan kebajikan yang akan memberi manfaat kepada golongan yang saya sebutkan sebentar tadi.

72. Kerajaan juga sedar dalam kita mengharungi era modenisasi dan globalisasi, kita perlu memperkukuhkan institusi kekeluargaan dan kemasyarakatan. Ini adalah kerana keluarga yang bahagia dan masyarakat yang penyayang memainkan peranan penting dalam melahirkan insan-insan yang cemerlang. Oleh itu, Kerajaan akan terus menyokong usaha-usaha untuk mewujudkan Keluarga Bahagia dan Masyarakat Sejahtera melalui program-program seperti seminar dan program *outreach* serta akan menjalinkan hubungan kerjasama erat dengan NGO dan Badan-badan keagamaan. Untuk itu, sebanyak RM161.04 juta akan diperuntukkan tahun depan.

Pembangunan Belia, Modal Insan, Sukan Dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

Mempersiaga Modal Insan dan Memperkasa Belia

Tuan Speaker,

73. Modal insan merupakan tonggak kemajuan negeri dan salah satu faktor utama penentu masa depan negeri ini. Kerajaan sedar, dalam usaha untuk berhadapan dengan ekonomi global yang kini semakin penuh cabaran, kompleks dan kompetitif, adalah amat penting untuk kita mempunyai modal insan yang mampu bersaing dan maju ke hadapan. Sepertimana nasihat yang pernah disampaikan oleh Khalifah Umar Al-Khattab iaitu *“Didiklah anak-anakmu itu berlainan dengan keadaan kamu sekarang, kerana mereka telah dijadikan Tuhan untuk Zaman yang bukan Zaman engkau”*. Justeru, kerajaan akan meneruskan agenda pembangunan modal insan untuk melahirkan modal insan yang berintelekt tinggi, mempunyai kemahiran dan memiliki sikap positif serta nilai-nilai murni.

74. Kerajaan juga menyedari kepentingan golongan belia dalam perkembangan ekonomi dan kemajuan negeri. Mereka inilah pewaris negeri yang akan mewarnai kehidupan masa depan negeri ini. Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk memperkasa belia masa kini bagi memastikan belia dan beliawanis mempunyai daya saing dan daya maju yang tinggi serta keluhuran budi pekerti.

75. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah membangunkan *Belan Strategik Pembangunan Belia Negeri Sabah 2016 . 2020+* sebagai panduan dan penanda aras untuk memantau dan mengukur kesejahteraan hidup belia di negeri ini. Kerajaan akan meneruskan program-program untuk pembangunan belia yang berpaksikan kepada Konsep Merentasi Pelaksana dan Strategi Lautan Biru, menerajui Pemerkasaan Pembangunan Belia Positif, Pengukuhan Gerakan Budaya Belia Berpersatuan dan Pemantapan Ekosistem Hak Upaya Persatuan.

76. Program-program ini akan dijalankan bersama-sama Kumpulan Pelaksana yang meliputi pelbagai pihak antaranya Institusi Kekeluargaan dan Kemasyarakatan; Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO); Institusi-Institusi Pendidikan dan Penyelidikan; Media-media massa; Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan dan Swasta; Persatuan-persatuan Belia dan Agensi-agensi Kerajaan.

77. Bagi menzahirkan agenda pembangunan ini, sebanyak RM234.96 juta akan diperuntukkan kepada pelbagai agensi untuk melaksanakan program latihan, pembelajaran, kemahiran, keusahawanan, pemantapan jati diri, peradaban dan *capacity and team building*.

Mencemerlangkan Sukan

Tuan Speaker,

78. Kerajaan Negeri komited untuk menerajui pembangunan sukan bagi mencapai visi untuk melahirkan atlet bertaraf dunia. Kerajaan akan menggembleng sumber secara bersepadu dan optimum bagi melahirkan masyarakat yang berbudaya sukan dengan amalan gaya hidup sihat. Oleh itu, untuk meningkatkan kecemerlangan industri sukan negeri, Kerajaan Negeri akan terus melaksanakan transformasi pembangunan sukan berpaksikan teras strategik kecemerlangan sukan di bawah "*Blueprint* Pembangunan Sukan Negeri Sabah 2015 . 2030+." Pada tahun 2016, sebanyak RM65.75 juta akan disediakan bagi tujuan itu.

79. Dalam pada itu, industri Sukan akan terus dibangunkan supaya ianya juga dapat menjadi salah satu penyumbang utama kepada ekonomi Negeri Sabah menerusi penggalakan Sukan Pelancongan (Sports Tourism), Sukan Ekstrim (Extreme Sports), Sukan Permotoran dan menerokai Sektor Pembuatan menerusi Konsep Francais dan Pengeluaran Barangan Jenama Sukan yang berpotensi.

Pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

Tuan Speaker,

80. Ledakan kemajuan industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah menjadikan dunia kini sebagai *Berkampungan Global+ (Global Village)*. Justeru itu, kita perlu mewujudkan masyarakat yang bukan hanya celik ICT tetapi turut menyumbang kepada pembangunan tamadun saintifik dan teknologi masa depan. Sehubungan dengan itu, pada tahun 2016 sebanyak RM82.16 juta akan disediakan bagi melaksanakan program-program berkaitan ICT.

81. Kerajaan sentiasa menggalakkan penggunaan ICT dalam semua urusan kerajaan agar perkhidmatan kepada rakyat dapat dilaksanakan dengan cekap, pantas mudah dan berkesan. Oleh itu, pada tahun 2016 Kerajaan akan melaksanakan *K-Rakyat: 1 Sabah one contact center* bagi kemudahan dan keselesaan rakyat. Pusat ini merupakan pusat panggilan setempat (*single point of contact*), yang akan beroperasi 24 jam sehari dan 7 hari seminggu.

Negeri Sabah indah terkenal
Ramai pelancong datang bercuti
Menjadi tekad Barisan Nasional
Kepada rakyat sentiasa berbakti

Pembangunan Wanita

Tuan Speaker,

82. Kerajaan sedar bahawa kaum wanita merupakan sebahagian besar daripada penduduk negeri ini yang gigih menyumbang kepada pembangunan negeri. Kerajaan juga menyedari bahawa kaum wanita berperanan sebagai pemangkin perpaduan dan merupakan rakan kongsi pintar kerajaan dalam mencapai halatuju pembangunan negeri. Justeru, sesuai dengan pepatah Inggeris yang berbunyi, *“When you educate a woman, you educate a nation”*, maka adalah menjadi aspirasi kerajaan untuk melahirkan lebih ramai wanita yang berilmu dan berpendidikan tinggi, serta mempunyai daya kreativiti dan berinovasi.

83. Selain penyediaan dana khas untuk pelaksanaan program-program bagi pembangunan wanita, kerajaan juga menyediakan peruntukan di pelbagai agensi dan kementerian yang boleh dimanfaatkan oleh kaum wanita. Secara keseluruhannya, pada tahun 2016 kerajaan menyediakan sebanyak RM218.31 juta bagi maksud tersebut.

Cahaya mentari indah berseri
Tembus memancar tepi jendela
Betapa pun sukar mentadbir negeri
Golongan wanita tetap dibela...

Kuasa-kuasa Tempatan

Tuan Speaker,

84. Kerajaan Negeri akan terus memperbaiki prestasi dan perkhidmatan semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi memastikan jentera pentadbiran di semua PBT berfungsi dengan berkesan. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga akan menyediakan perumahan mampu milik dan melaksanakan pembangunan bandar dan wilayah dengan sistematik dan terancang. Untuk maksud itu, sejumlah RM80.22 juta akan diperuntukkan pada tahun hadapan.

85. Daripada jumlah itu, sebanyak RM47.19 juta akan disalurkan kepada semua PBT dalam bentuk pemberian geran untuk menaiktaraf sistem pengurusan dan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat sekitar.

86. Kita mahu rakyat menikmati kemudahan awam yang selesa dan baik seperti padang, dewan masyarakat, pasar, laluan pejalan kaki, parit dan longkang. Kita juga mahu rakyat menikmati lampu-lampu jalan yang berfungsi dan menyala dengan baik, kemudahan taman-taman awam selesa dan selamat, persekitaran bandar yang indah dan bersih dan pengurusan sampah yang efisien dan sistematik. Sebanyak RM10.8 juta akan diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan tersebut.

87. Kerajaan juga prihatin terhadap kemudahan perumahan untuk golongan kurang berkemampuan. Bagi menyediakan perumahan mampu milik Kerajaan Negeri akan memperuntukkan RM12.5 juta dalam bentuk subsidi perumahan kos rendah di pedalaman Sabah serta di Tawau. Pembangunan pekan-pekan baru di kawasan luar bandar juga akan diteruskan pelaksanaannya. Semua usaha ini diteruskan oleh Kerajaan Negeri demi menjaga kepentingan dan kesejahteraan rakyat jelata.

Tabung Khas Usahawan Bumiputera

Tuan Speaker,

88. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri akan menubuhkan Tabung Khas Usahawan Bumiputera untuk meningkatkan keupayaan dari segi kemahiran dan pencapaian perniagaan usahawan bumiputera. Dana tabung ini akan disumbangkan oleh Syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) yang mempunyai pencapaian prestasi yang cemerlang dan menguntungkan.

PENCAPAIAN AGENSI AWAM

Tuan Speaker,

89. Inisiatif Kerajaan menganjurkan Kursus Ahli Lembaga Pengarah Badan Berkanun Negeri dan Agensi Kerajaan Negeri setiap tahun sejak tahun 2011, ternyata telah memberi impak yang

sangat positif terhadap peningkatan dan keberkesanan tadbir urus korporat yang baik. Berikutan itu, secara keseluruhannya, bilangan Badan Berkanun dan Agensi Kerajaan Negeri yang berprestasi cemerlang telah meningkat. Seperti yang saya sebutkan awal-awal tadi, antara organisasi yang telah mencatatkan kecemerlangan, sebanyak enam (6) Badan Berkanun dan agensi Kerajaan Negeri telah diberikan penarafan **empat (4) bintang** di bawah Indeks Akauntabiliti pada tahun 2014 berbanding hanya tiga (3) pada 2013.

90. Kita akan meneruskan usaha untuk memantau prestasi agensi-agensi kerajaan dengan memastikan mereka mengemukakan laporan kewangan tahunan serta perancangan pelaburan dan pinjaman tepat pada masanya. Dalam masa yang sama kerajaan akan menggunakan Buku '*Kod Tadbir Urus Korporat Untuk Badan Berkanun Negeri Sabah*', '*State Company Information System*' dan '*State Loan System*' untuk memantau aktiviti agensi-agensi kerajaan termasuk anak-anak syarikat (*subsidiary companies*) dan syarikat-syarikat yang ada kepentingan Kerajaan (*associated companies*).

91. Badan-Badan Berkanun dan Agensi-Agensi Kerajaan Negeri terus mengekalkan prestasi yang baik dalam tahun 2014. Mengikut kriteria penilaian Kementerian Kewangan Negeri, **89 peratus** daripada jumlah Badan Berkanun Negeri dan Agensi Kerajaan Negeri telah mencatatkan prestasi baik dan cemerlang. Bilangan Badan Berkanun dan Agensi Kerajaan Negeri yang mencatatkan keuntungan bersih meningkat daripada **77.5 peratus** bagi tahun 2012 kepada **80 peratus** bagi tahun 2013 dan kepada **80.5 peratus** bagi tahun 2014. Manakala, bilangan Agensi dan Badan Berkanun

yang membayar balik pinjaman juga semakin menggalakkan bagi tempoh dua tahun terakhir. Jumlah bayaran balik pinjaman dengan faedah juga meningkat kepada RM73.75 juta bagi tahun 2014 dan RM76.69 juta bagi tahun 2013 berbanding hanya RM47.09 juta pada tahun 2012. Syabas dan Tahniah saya ucapkan!

92. Badan-Badan Berkanun dan Agensi-Agensi Kerajaan Negeri terus memainkan peranan sebagai jentera pelaburan dan sumber pendapatan kepada Kerajaan Negeri, dengan menunaikan tanggungjawab dalam membuat pembayaran dividen secara konsisten pada setiap tahun.

93. Kerajaan merasa amat berbangga dan bersyukur kerana terdapat beberapa agensi kerajaan yang menunjukkan prestasi yang baik dan mampu memberikan dividen kepada Kerajaan Negeri untuk sama-sama membantu membangunkan negeri ini. Antara Agensi Kerajaan Negeri yang memberi sumbangan dividen kepada Kerajaan setakat 15 November 2015 ialah Sabah Development Bank, Warisan Harta Sabah Sdn. Bhd., Sabah Energy Corporation Sdn. Bhd, Progressive Insurance Bhd., Suria Capital Holdings Bhd., Saham Sabah Berhad, Borneo Development Corporation (Sabah) Sdn Bhd. (BDC), K.K.I.P Sdn. Bhd., Perbadanan Pinjaman Sabah (SCC), Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar (LPPB), Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO), Desa Plus Sdn. Bhd. dan Desa Lestari Sdn. Bhd.. Well Done!!

94. Saya berharap pembayaran dividen tersebut akan terus bertambah dari setahun ke setahun. Pada masa yang sama, saya juga berharap agar agensi-agensi kerajaan yang lain dapat turut sama memberi sumbangan dividen kepada Kerajaan Negeri pada masa akan datang.

PENGUMUMAN KHAS

Menghargai Penjawat Awam

Tuan Speaker,

95. Bagi meningkatkan lagi ganjaran yang bakal diperolehi oleh anggota perkhidmatan awam negeri, Kerajaan Barisan Nasional Negeri Sabah telah mengemaskini pelaksanaan pemberian Imbuhan Tetap Perumahan atau I.T.P. Kali terakhir kadar ITP ini disemak dan diperbaharui ialah pada tahun 2008. Pengemaskinian ini akan membantu meningkatkan taraf hidup penjawat awam. Semakan semula ini melibatkan komitmen kewangan sebanyak RM19.75 juta setahun kepada seramai 14,080 kakitangan Gred 42 ke bawah. Pengemaskinian ITP ini berkuat kuasa pada 1 November 2015.

96. Dalam pada itu, Kerajaan Negeri juga bersetuju dengan pengumuman YAB Perdana Menteri semasa membentangkan Bajet Nasional 2016 baru-baru ini untuk memberikan kenaikan satu tangga gaji mengikut gred kepada semua Anggota Perkhidmatan Awam Negeri berkuat kuasa mulai Julai 2016. Kerajaan Negeri juga akan menerima pakai pelaksanaan penetapan gaji terendah bagi penjawat

awam negeri kepada RM1200 sebulan. Kedua-dua langkah ini akan melibatkan komitmen kewangan masing-masing bernilai RM21.52 juta dan RM1.88 juta.

97. Di samping itu, Kerajaan juga menghargai komitmen dan sumbangan para penjawat awam negeri yang menunjukkan kegigihan dan dedikasi dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai agen penyampaian perkhidmatan kerajaan. Untuk itu, selaras dengan keputusan yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri juga bersetuju memberikan bantuan khas sebanyak RM500 untuk semua anggota perkhidmatan awam negeri Sabah. Bayaran bantuan khas ini akan dibuat serentak dengan bayaran gaji pada bulan Januari 2016. Pemberian bantuan khas ini melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM8.16 juta.

Kalau anda memasang tabir
Sediakan tali panjang berdepa
Sukar mana pun kita mentadbir
Penjawat awam tidak dilupa!

PENUTUP

Tuan Speaker,

98. Sesungguhnya perjuangan kerajaan Barisan Nasional untuk membela nasib rakyat dan iltizam politik kita untuk memacu

pembangunan negeri bukanlah satu perjuangan yang bermusim. Ia adalah perjuangan yang panjang dan berkesinambungan, dari satu generasi ke satu generasi, menerusi kerjasama dan komitmen tinggi antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat.

99. Untuk itu, di Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri dan rakyat Sabah, merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Pusat khususnya Y.A.B. Datuk Seri Panglima Mohd. Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Malaysia, atas keprihatinan beliau terhadap keperluan pembangunan dan kesejahteraan rakyat di negeri ini, dengan memberikan peruntukan yang besar kepada negeri Sabah dalam pelbagai sektor.

100. Alhamdulillah, berkat petunjuk dan inayah-Nya jua, serta komitmen kerajaan dan sokongan padu rakyat, kita berjaya mentransformasikan pembangunan negeri dalam pelbagai sektor. Meskipun kita akui bahawa banyak onak dan duri, cabaran dan rintangan sepanjang perjuangan ini, namun kita tetap istiqomah. Kita tetap teruskan perjuangan dan mengorak langkah, mendepani cabaran, menunaikan amanah dan menggalas tanggungjawab kepada rakyat dan negeri, mengikut acuan dan cara kita sendiri.

101. Acuan dan cara kita bukanlah dengan demonstrasi yang penuh emosi, jauh sekali dengan tindakan provokasi. Acuan dan cara kita adalah menerusi usaha gigih dan kerja keras serta perundingan dan permuafakatan, yang penuh hikmah dan kebijaksanaan, yang

terbukti banyak manfaatnya untuk kesejahteraan dan kemakmuran yang berpanjangan.

102. Pencapaian dan kejayaan yang kita kecapai selama ini perlu untuk kita syukuri dan hargai setiap masa. Namun demikian, kita tidak seharusnya leka dan mudah berpuas hati dengan kejayaan dan pencapaian yang ada. Hakikatnya, masih banyak tugas dan tanggungjawab yang sedang menanti di hadapan untuk kita laksanakan.

103. Untuk itu, marilah kita terus berganding bahu dan bekerjasama, bermuafakat dan beriltizam untuk membela nasib rakyat dan memacu lebih banyak kejayaan dan kegemilangan kepada negeri Sabah yang tercinta ini.

104. Sebagai pemimpin dan kerajaan, kami sedar dan menginsafi betapa tingginya harapan untuk kita menunaikan tanggungjawab dan amanah kepada rakyat yang dikasihi. Inilah komitmen yang terus kita perjuangkan dan kita terjemahkan menjadi realiti, sepertimana yang dinyatakan oleh Abraham Lincoln '*commitment is what transforms a promise into reality*'.

105. Akhir kalam, semoga Allah SWT sentiasa memberikan petunjuk dan hidayah-Nya kepada kita dalam menunaikan amanah ini demi kesejahteraan kita dan generasi yang akan datang, seterusnya menjadikan negeri Sabah lebih maju, aman makmur dan sejahtera.

Panjat pokok mencari madu
Madu lebah di ranting Tualang
Hidup bermuafakat bersatu-padu
Demi membina negeri terbilang

Hati tertawan baca hikayat
Hikayat lama tentang sang puteri
Belanjawan Berhemat Berjiwa Rakyat
Demi kesejahteraan seluruh negeri

Tuan Speaker,

Saya mohon mencadang.